

Jangan cuba menduga orang Melayu

UM-17/11/2006

UTUSAN: Apakah pandangan Tan Sri mengenai tindakan sesetengah pihak, termasuk dari parti komponen Barisan Nasional (BN) sendiri, yang membangkitkan isu-isu sensitif seperti mempersoalkan hak keistimewaan orang Melayu?

MOHAMED: Selagi kedudukan orang Melayu tidak kukuh, maka akan berlaku ketidakseimbangan yang boleh mencetuskan masalah keselamatan.

Jangan cuba menduga orang Melayu, mereka tahu satu perkataan sahaja, amuk! Kita harap ia tidak sampai ke tahap itu. Dalam keadaan sekarang Melayu masih bersabar.

Saya tidak fikir wajar ada parti komponen BN mempersoalkan perkara sensitif kerana kita ada forum. Ahli Kabinet bincang dalam Kabinet, bawa dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN, itu forum terbaik untuk bercakap. Tetapi kalau mereka ambil kesempatan atas dasar terbuka kerajaan hari ini, itu silap.

Parti komponen BN lain mesti faham pengorbanan UMNO dan orang Melayu kepada negara yang cukup besar dan jangan pula orang Melayu persoalkan. Setelah kita berkorban terlalu banyak, apa kita dapat?

MUKADIMAH

PRESIDEN UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung UMNO menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan polemik berhubung isu kaum dan agama iaitu isu yang sensitif bagi sebuah negara majmuk seperti Malaysia.

Kontrak sosial yang dipersetujui dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan juga sejak akhir-akhir ini dilihat cuba diuji. Ia jarang berlaku sebelum ini.

Wartawan *Utusan Malaysia*, **ROZILAN SALLEH** mendapatkan pandangan bekas Setiausaha Agung UMNO dan Barisan Nasional, **TAN SRI MOHAMED RAHMAT** berhubung keghairahan pihak-pihak berkenaan yang, menurutnya, seolah-olah cuba mengambil kesempatan atas dasar terbuka kerajaan ketika ini.

Parti komponen lain harus faham tentang pengorbanan ini dan mereka juga harus berkorban sama dalam banyak hal, beri dan terima, jangan senang-senang mulut cakap sahaja.

Adakah apa yang berlaku ini disebabkan dasar keterbukaan kerajaan sekarang?

MOHAMED: Mereka ambil kesempatan. Dulu kalau ada masalah, ia dibangkitkan dalam mesyuarat BN, tidak keluar begitu sahaja, tetapi kita ambil perhatian. Tetapi bila dibuat dasar terbuka, ia jadi macam orang bergaduh pula.

Masalah timbul dalam BN sekarang kerana

na peranan MCA dan Gerakan. Orang India sudah ada MIC, satu parti sahaja. Yang bertelagah selalu ialah MCA dan Gerakan. Siapa mahu jadi hero orang Cina akan berjuang secara terbuka. MCA agak hati-hati sikit, tetapi Gerakan agak terang.

Bila Gerakan cakap, apa reaksi MCA, bila MCA cakap, apa reaksi Gerakan. Saya harap kedua-dua parti itu, sebagai parti komponen, gunakan semangat BN. Tidak payahlah jadi juara atau bersikap perkauman sangat, tidak ada yang bawa untung kepada negara.

Adakah ini bermakna semangat BN sudah

berkurangan?

MOHAMED: Bila terkena kepada mereka, mereka kata kita tidak amalkan semangat BN, tetapi bila dia cakap di luar garis itu, dia pun salah juga kerana ia tidak patut berlaku. Selepas kita kekal berkuasa selama 50 tahun dan tidak ada masalah, kenapa timbulkannya sekarang?

Perjuangan kita untuk semua kaum. Kita menyanyi satu lagu untuk semua bangsa. Dari segi Melayu, itu tidak boleh dielakkan kerana soal hak istimewa Melayu dan perbaikan ekonomi Melayu menjadi dasar kerajaan dan tidak boleh diketepikan kerana orang Melayu masih di belakang lagi.

Apakah keadaan sebelum ini ketika Tan Sri menjadi Setiausaha Agung BN?

MOHAMED: Tidak timbul sebab tidak ada yang berani cakap. Sebagai contoh, masa Tun Dr. Mahathir Mohamad hendak umum Malaysia negara Islam, saya rasa bimbang dia hendak bawa dalam mesyuarat BN. Tetapi bila dia umum, mula-mula mereka tiada kata apa-apa, akhirnya mereka kata okey. Saya rasa asas isu ini sekarang ialah persaingan antara MCA dan Gerakan: Siapa mahu

jadi hero orang Cina?

Adakah Perdana Menteri kena lebih tegas?

MOHAMED: Orang kata, Pak Lah *Mr. Nice Guy*. *Mr. Nice Guy* tidak akan ambil tindakan menyakiti hati orang, tetapi dia ada ketegasan dalam ketenangan dia. Dia boleh terus jadi *Mr. Nice Guy* tetapi saya harap dia lebih tegas dalam hal-hal tertentu.